

20/03/1997

MEC masih perlukan sokongan kerajaan

Shariffudin Mohamed

MALAYSIA Electric Corporation (MEC) Bhd, syarikat pembuatan barangan elektrik jenama Malaysia, memerlukan sokongan kerajaan seperti pengecualian duti setem dan tarif dalam tempoh singkat bagi membolehkan produknya mempunyai daya saing dalam pasaran antarabangsa.

Pada masa ini, beberapa insentif yang ditawarkan kepada industri itu ketika kerajaan melancarkan program perindustrian dulu, sudah tiada lagi.

Ketua Eksekutif MEC Bhd, Datuk Seri Teong Teck Leng, berkata langkah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri memberi insentif khas kepada syarikat yang mengeluarkan produk jenama Malaysia boleh memberi keuntungan kepada pihaknya.

Menurutnya, melalui sokongan dan galakan semua pihak, terutama kerajaan, beliau yakin MEC Bhd mampu mencapai matlamat yang ditetapkan kerajaan.

Beliau berkata, projek Bandar MEC di Gambang, dekat Kuantan, dilaksanakan dengan cepat dengan bangunan kilang pengeluaran penghawa dingin dan peti sejuk siap dalam tempoh tiga bulan.

"Pembinaan bangunan lain dan kemudahan asas juga dilaksanakan dengan kadar segera.

"Dalam tempoh 12 bulan, kami dapat mengadakan kerjasama teknikal dengan syarikat dari Jepun, Jerman, Australia, Taiwan, Korea Selatan, Eropah dan Hong Kong," katanya di Kuantan, baru-baru ini.

Bandar MEC bernilai RM4 bilion itu dimajukan secara besar-besaran oleh MEC Bhd, anak syarikat Kuala Lumpur Industries Holdings (KLIH) Bhd, di kawasan seluas 1,200 hektar.

Kerajaan Persekutuan melalui Khazanah Holdings Bhd memegang 30 peratus ekuiti.

Isnin lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan serentak MEC Bhd dan Bandar MEC dalam lawatan selama dua hari ke Pahang.

Teong berkata, dalam masa singkat juga, bangunan kilang beberapa barangan seperti kipas angin, televisyen, hi-fi dan mesin pembasuh kain selain rumah pekerja akan siap.

Katanya, Bandar MEC akan membawa pembangunan pesat di pantai timur Semenanjung, termasuk dari segi program vendor, industri kecil dan sederhana, sekali gus meletakkan Pahang dalam peta kegiatan ekonomi dunia.

Menerusi penyelidikan dan pembangunan serta latihan, barangan MEC Bhd dijamin bermutu tinggi dan memenuhi piawaian antarabangsa.

"Pengeksportan barangan MEC pula boleh meningkatkan imej Malaysia dalam pasaran antarabangsa dan membantu mengurangkan defisit negara," katanya.

(END)